

Saliran Kampung Baru Sikamat akan diperbaiki

BH 21/11/2006.

SEREMBAN: Masalah banjir kilat disertai lumpur yang sering melanda sebahagian Kampung Baru, Sikamat, dekat sini setiap kali hujan lebat dijangka diatasi sepenuhnya tidak lama lagi melalui projek membaiki pulih sistem saliran berhampiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sikamat, Datuk Md Yusop Harmain Shah, berkata beliau sudah menghubungi Majlis Perbandaran Seremban (MPS) untuk merujuk masalah itu dan memintanya diselesaikan segera.

"Kita tidak mahu setiap kali hujan, penduduk di situ akan risau. Jadi, masalah ini perlu ditangani secepat mungkin," katanya.

Yang Dipertua MPS, Abdul Halim Abdul Latif, berkata pihaknya sudah melawat kawasan terbabit dan mem-

buat beberapa perancangan serta anggaran kos yang diperlukan untuk mengatasi masalah itu.

Katanya, bantuan kewangan daripada kerajaan negeri juga sudah dipohon bagi melicinkan kerja baik pulih sungai berkenaan yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Walaupun sistem saliran di kawasan itu di bawah bidang kuasa JPS, MPS bertanggungjawab memastikan masalah penduduk dapat diatasi dan saya yakin ia dapat ditangani dengan segera," katanya.

Projek menaik taraf jambatan berhampiran Masjid Sikamat itu dimulakan awal tahun lalu, turut membabitkan kerja mengorek tebing sungai yang dikatakan punca limpahan air ke beberapa kawasan perumahan berhampiran.

“Kita tidak mahu setiap kali hujan, penduduk di situ akan risau. Jadi, masalah ini perlu ditangani secepat mungkin”

Md Yusop Harmain
Adun Sikamat

